

09/09/1998

Keganasan bukan perjuangan Islam

Usman Syihab

ISTILAH fundamentalisme berasal dari kata fundamental yang bererti bersifat dasar, sangat penting atau asas. Fundamentalis bererti individu atau kumpulan, biasanya pergerakan yang berjuang mengembalikan cara hidup yang asal menurut dasar agama yang diyakini atau ideologi yang diikuti. Dari sini, fundamentalisme bererti keakuran yang kuat terhadap suatu ajaran agama atau ideologi. Fundamentalisme dalam pengertian ini adalah positif.

Menurut Barat, fundamentalisme lebih dikaitkan dengan ekstremisme dan pengananan. Bagi orang Barat, gerakan Islam adalah gerakan fundamentalis yang melakukan pelbagai jenayah, kekerasan, dan pengananan antarabangsa. Mereka juga menganggap di dunia ini hanya ada satu fundamentalisme, iaitu fundamentalisme Islam dan tidak ada fundamentalisme lain. Maka tidak hairan setiap ada letupan bom yang dirasakan merugikan kepentingan Barat, mereka dengan cepat mengaitkan, malah menganggap tindakan itu dilakukan gerakan fundamentalis Islam walaupun belum ada bukti kukuh.

Di dunia ini, fundamentalisme - dalam pengertian Barat yang negatif itu sebenarnya banyak sekali, bukan hanya fundamentalisme Islam. Ada fundamentalisme Fasis, fundamentalisme Nazi, fundamentalisme Katolik, fundamentalisme Protestan, fundamentalisme Zionis, dan yang paling besar adalah fundamentalisme Sekular Kapitalis.

Pada abad ke-17 Giordano Bruno di bakar hidup-hidup, Galileo Galilei dihukum, dan banyak lagi ilmuan yang mengalami nasib yang sama, kerana menentang pendapat gereja. Pada masa penjajahan, gereja adalah tempat penggantungan kaum terjajah dan tempat pemaksaan pekerja kulit hitam Afrika. Sekarang, gereja Anglikan dan beberapa mazhab Kristian Katolik Amerika, selepas kongres Vatikan ke-2 dan mengikuti Pope John Paul, bersikap keras menentang perancang keluarga dan pemakaian alat pencegah kehamilan. Ucapan Pope John Paul suci harus ditaati, dan sesiapa melanggar dianggap kafir. Ini adalah contoh fundamentalisme gereja Vatikan.

Peristiwa pembunuhan besar-besaran terhadap 950,000 orang Yahudi di dalam bilik gas beracun oleh Hitler atau yang dilakukan Musolini dan Stalin dalam Perang Dunia II mengingatkan pada bentuk fundamentalisme Nazi. Fundamentalisme ini muncul kembali pada 1992 di Roestock, Jerman. Mereka menentang orang asing dengan membakar gedung dan rumah mereka.

Baru-baru ini gerila Real IRA (Tentera Merah Ireland) melakukan serangan bom di Omagh yang mengorbankan 28 orang, iaitu serangan paling buruk pernah dilakukan oleh gerila itu. Konflik yang sudah lama terjadi di Ireland Utara adalah konflik antara puak fundamentalis iaitu fundamentalis Protestan dan fundamentalis Katolik yang melahirkan pelbagai kekerasan, pengananan, letupan bom dan mengorbankan banyak nyawa.

Berbeza dengan fundamentalisme Zionis, fundamentalisme ini adalah proses fitnah dan permusuhan sejarah. Fail yang diletakkan Teodor Hartzel di depan pemimpin Eropah menjanjikan jaminan dengan terbentuknya Israel, dapat menjamin segala kepentingan Eropah dan Barat secara keseluruhan dan Israel akan tetap menjadi benteng peradaban Barat bagi menghadapi bangsa 'Barbar Timur'. Kewujudan Israel di bumi Palestin, pembinaan kawasan perumahan Israel di wilayah Palestin, dan serangan Israel ke Lebanon Selatan adalah tindakan melampau fundamentalisme Zionis Yahudi.

Fundamentalisme yang terkuat sekarang adalah fundamentalisme Kapitalis Barat yang melampau diketuai Amerika Syarikat. Fundamentalisme Kapitalis mengunggulkan bangsa Barat sebagai bangsa yang menguasai dan

mengeksploitasi bangsa lain dengan topeng faedah pinjaman dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), dan menghukum negara lemah.

Fundamentalisme Kapitalis bertambah sombong dan angkuh selepas tumbanganya Komunisme. Fundamentalisme Kapitalis berasa dirinya sebagai satu-satunya polis dunia, mampu mengadili dan menghukum sesiapa saja dan pada bila-bila masa. Apa yang terjadi sejak Julai tahun lalu hingga kini adalah akibat perlakuan fundamentalisme kapitalis. Fundamentalisme ini berjaya melumpuhkan ekonomi negara Asia Tenggara terutamanya Indonesia, Thailand dan Malaysia, yang sebelumnya muncul sebagai 'Singa Asia.'

Tindakan paling kontroversi oleh fundamentalisme Kapitalis adalah serangan Amerika terhadap Sudan dan Afghanistan pada 20 Ogos lalu. Dengan alasan menggempur sarang pengganas, peluru berpandu Tomahawk dari kapal induk Amerika menghujani dua negara Islam yang tidak berdosa itu. Akibat tindakan ketenteraan 'polis dunia' itu begitu dahsyat.

Di Afghanistan, 26 orang terbunuh dan 40 orang cedera, sementara di Sudan 10 orang cedera termasuk empat parah dan menghancurkan kilang farmasi Al-Shifaa. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir membuat ulasan "negara yang menyerang orang ramai dengan mengebom negara mereka dengan alasan ingin membalas dendam terhadap kematian rakyatnya adalah bacul dan pengecut.

"Mereka adalah orang yang sama dari negara sama tetapi begitu pintar dan menguasai media serta akhbar antarabangsa sehingga boleh ditafsir sebagai satu kebaikan kononnya untuk menghapuskan keganasan.

"Inilah manusia yang bercakap mengenai hak asasi manusia. Inilah juga orang yang melancarkan serangan terhadap ekonomi negara di Asia Tenggara dan Asia Timur."

Isu fundamentalisme Islam ditimbulkan Barat dan medianya secara besar-besaran ketika lahirnya revolusi Iran. Sebelum terjadinya revolusi Iran kerajaan Syah Iran didukung penuh Amerika secara ketenteraan. Bagi Amerika, Syah Iran adalah pengawal telaga minyak di Teluk. Ketika itu ulama dan mullah hanya mampu bernafas dalam masjid sambil berzikir dan membaca al-Quran. Apabila revolusi Islam pimpinan Imam Khomeini meletus dengan dahsyat hingga mampu menggulingkan Syah Iran yang mempunyai kekuatan tentera kelima terkuat di dunia, dunia terkejut.

Kemenangan Khomeini mendapat perhatian ahli politik Barat. Mereka takut apabila revolusi ini mampu mengilhamkan peristiwa yang sama di negara majoriti Muslim, ia banyak merugikan kepentingan Barat. Iraq kemudian didorong untuk berperang dengan Iran, maka terjadilah perang Iraq-Iran selama lapan tahun. Dalam perang ini Soviet, Britain dan Perancis membantu Iraq menyalurkan senjata moden, sementara Arab Saudi memberi bantuan makanan dan kewangan. Iran tersepit dari semua sisi yang akhirnya menyemarakkan lagi kebangkitan semangat fundamentalisme Islam-Iran.

Sejak lahirnya revolusi Iran, Barat dan medianya terus-menerus merujuk istilah fundamentalisme Islam kepada gerakan Islam yang menurut Barat sebagai sarang pengganasan, kekerasan, dan segala tindakan melampau lain. Sejak itu setiap kali berlakunya kekerasan dan keganasan antarabangsa, Barat selalu menuduh fundamentalisme Islam yang bersarang di negara Islam sebagai pelakunya. Ketika terjadi letupan pesawat Pan Am 103 di Lockerbie, Scotland pada 1988, Libya dituduh.

Ketika peristiwa letupan bom di bangunan Pusat Perdagangan Dunia (WTC) di New York pada 1993, Syaikh Omar Abdurrahman dan beberapa 'Muslim radikal' di Amerika dituduh dan ditangkap. Ketika terjadi peletupan bom di bangunan Federal Oklahoma City pada 1995 yang dituduh juga orang Islam.

Dan ketika terjadi serangan letupan bom di kedutaan Amerika di Nairobi, Kenya dan Dar es Salaam, Tanzania 17 Ogos lalu, Osama bin Laden dituduh. Semuanya hanya tuduhan yang tidak berasas dan belum terbukti kebenarannya. Hanya dalam peristiwa di bangunan Federal Oklahoma City yang sudah

terbukti, tetapi justru pelakunya adalah orang mereka sendiri, orang Amerika, dan bukan orang Islam.

Islam adalah jalan tengah dalam segala hal baik konsep akidah, ibadah, perilaku hubungan sesama manusia atau dalam perundangan. Inilah yang disebut Allah sebagai al-shirat al-mustaqim, jalan yang lurus.

Nas Islam, sama ada mengikut al-Quran atau hadis, selalu menyeru kepada i'tidal, jalan tengah dan melarang segala kekerasan melampaui batas. Etika seperti ini tetap menjadi prinsip umat Islam dan gerakan fundamentalisme Islam yang ada. Kita yakin, kalau kita tawarkan kepada semua gerakan Islam dan pendukungnya kerangka kerja bersama, secara terang-terangan, malah kepada mereka yang menganggap revolusi sebagai satu-satunya jalan menuju jalan kebaikan, mereka tidak akan memilih dan mendukung keganasan.

Sikap melampau yang melahirkan perkara emosional seperti kekerasan dan penganasan di negara Islam seringkali menjadi gejala sosial yang selalunya bersifat individu, yang cepat timbul dan cepat hilang.

Di sebahagian negara Arab seperti di Mesir dan Algeria umpamanya, kita sering mendengar adanya penganasan dan kekerasan dikaitkan dengan sebahagian gerakan Islam setempat. Fenomena ekstremisme di negara Muslim itu hanyalah gejala sosial yang banyak disebabkan masalah demokrasi. Kalau peluang demokrasi semakin luas, ruang kekerasan kian mengecut.

Oleh itu, tidak benar jika gerakan fundamentalisme Islam selalu dianggap kumpulan jahat, penyamun dan penganas yang turun dari langit melakukan rompakan antarabangsa dan segala tindakan sadisme. Semua perbuatan melampau harus dinilai secara bijaksana.

(END)